



PANDUAN UNTUK PERNIAGAAN

RANDWICK, KENSINGTON DAN KINGSFORD

We're Building **TOMORROW'S
SYDNEY™**
mysydney.nsw.gov.au

MEMBINA MASA DEPAN PENGANGKUTAN DI SYDNEY

Perkhidmatan kereta api ringan Sydney Light Rail bakal disediakan di Sydney untuk memudahkan perjalanan ke Randwick, Kensington dan Kingsford. Sydney Light Rail adalah sistem pengangkutan awam yang bersih dan boleh diharap dari Kingsford dan Randwick ke CBD melalui Kensington, Moore Park dan Surry Hills.

Sydney Light Rail akan mencerahkan masa depan perniagaan di komuniti anda dengan cara memudahkan perjalanan ke pusat-pusat sukan dan hiburan, pendidikan dan kesihatan yang utama.

Teruskan pengendalian perniagaan anda sepanjang tempoh pembinaannya. Aktiviti perniagaan anda akan tergendala olehnya tetapi manfaatnya amat besar setelah Sydney Light Rail mula beroperasi nanti.

Dalam tempoh pembinaannya, kita semua perlu bersikap fleksibel, berpandangan positif dan bijak merancang.

Perubahan ini akan menjejaskan tiga bidang utama:

JALAN RAYA DAN LALU LINTAS

- Pembinaan Sydney Light Rail di Randwick, Kensington dan Kingsford sedang dimulakan di sembilan zon, dan beberapa laluan akan ditutup sama ada secara sementara ataupun kekal. Lihat di livetraffic.com atau telefon 132 701 untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.

KENDERAAN AWAM

- Perkhidmatan bas akan terjejas sepanjang tempoh pembinaan.
- Untuk mengurangkan kesesakan pada waktu-waktu sibuk, nasihatilah pelanggan dan kakitangan anda supaya merancang perjalanan masing-masing.
- Lihat di transportnsw.info atau telefon 131 500.

PENGHANTARAN DAN PERKHIDMATAN

- Pada peringkat pembinaan yang paling sibuk, mungkin eloklah anda mengubah waktu penghantaran. Untuk memohon bantuan, kirimkan e-mel kepada Pasukan Barangan Angkut Sydney Light Rail di alamat SLRFreight@transport.nsw.gov.au

BEKERJA SEIRING DENGAN KOMUNITI ANDA

Tugas membina infrastruktur yang besar di bandar raya yang paling sibuk di Australia pastinya mencabar.

Kami sedang mengambil segala langkah yang patut untuk mengurangkan gangguan terhadap aktiviti perniagaan dan mengekalkan kunjungan pelanggan ke seluruh bandar.



Syarikat-syarikat pembinaan akan bekerja mengikut rancangan yang khusus bagi setiap tapak, sambil mematuhi syarat-syarat kelulusan yang dikenakan dari segi penjagaan alam sekitar. Antara langkah mengurangkan kesannya ialah:

- **Siapkan kerja dengan seberapa cepat yang boleh**
- **Kurangkan kesan aktiviti pembinaan dengan seberapa banyak yang boleh, dari segi mutu udara, bunyi bising, dan aras gegaran**
- **Maklumkan pemilik syarikat dan penduduk mengenai perkembangan terkini**

Sepanjang tempoh pembinaan ini, kelancaran lalu lintas kenderaan dan pejalan kaki akan paling diutamakan.

Cara yang terbaik untuk mengikuti perkembangannya adalah dengan melihat jadual pembinaannya di mysydney.com.au. Anda juga dipersilakan menelefon 1800 684 490 untuk menyuarakan keluhan anda mengenainya.

ALTRAC Light Rail, kontraktor yang akan mereka bentuk, membina dan mengendalikan sistem kereta api ringan ini, akan berada di tempat anda. Mereka boleh memberikan maklumat mengenai kerja pembinaan ini dan kesannya terhadap anda.

TERUSKAN PENGENDALIAN PERNIAGAAN ANDA SEPANJANG TEMPOH PEMBINAAN



Pada jangka panjangnya, manfaat rangkaian pengangkutan yang baharu ini amat besar bagi perniagaan.

Kerja pembinaan memang akan menyulitkan anda tetapi pelbagai iktibar telah diambil daripada pengalaman yang lepas.

BEBERAPA PETUA PENTING:

- Ikuti perkembangan aktiviti di sekitar tapak perniagaan anda di mysydney.com.au
- Sampaikan perkembangan terbaru kepada pelanggan anda
- Ingatlah bahawa pekerja pembinaan itu juga pelanggan
- Cari cara-cara yang positif untuk mempromosikan perniagaan anda semasa tempoh pembinaan
- Jalinkan perkongsian dengan perniagaan dan kumpulan syarikat lain untuk mewujudkan peluang perangkaian
- Periksa kedudukan perniagaan anda:
 - Kaji semula dan pinda rancangan perniagaan anda berdasarkan apa yang sedang berlaku
 - Semak balik insurans anda dan ketahui apa yang dilindungi.

MENGHUBUNGKAN PERNIAGAAN DENGAN SOKONGAN DAN NASIHAT

MAJLIS BANDAR RAYA RANDWICK

Pihak Majlis mengambil khidmat Encik Chris Bastic sebagai Pegawai Perhubungan Perniagaan Kereta Api Ringan.

Chris bertugas dengan Transport for NSW dan ALTRAC untuk membantu komuniti perniagaan tempatan dengan usaha mengurangkan kesan pembinaan sistem kereta api ringan ini terhadap perniagaan yang bertempat di sepanjang laluan.

PEJABAT PESURUHJAYA PERNIAGAAN KECIL NSW

Program Small Biz Connect menyediakan dua orang penasihat perniagaan bebas yang boleh memberikan khidmat nasihat perseorangan dan berkumpulan kepada perniagaan kecil di Randwick, Kensington dan Kingsford.

Seorang penasihat yang boleh bertutur dalam bahasa Mandarin/ Kantonis/ Indonesia/ Melayu bersedia membantu pemilik syarikat yang tidak berbahasa Inggeris.

Kami sudah menterjemahkan panduan ini kepada beberapa bahasa lain. Lihatlah www.mysydney.com.au untuk mendapatkan butir-butir selanjutnya.



MENGHUBUNGKAN PERNIAGAAN DENGAN SOKONGAN DAN NASIHAT

HUBUNGAN PENTING

ALTRAC LIGHT RAIL

Untuk mendapatkan maklumat mengenai kerja pembinaan sistem kereta api ringan dan kesannya terhadap anda, hubungi:

Talian telefon 1800 684 490 atau alamat e-mel

SLRCommunity@acciona.com.au

Untuk membuat pertanyaan atau mengemukakan aduan yang terdesak semasa kerja pembinaan dijalankan, telefon khidmat Bantuan Pembinaan yang dilayan 24 jam melalui talian 1800 775 465.

Laman web projek: www.sydneylightrail.com.au

Laman Facebook: <https://www.facebook.com/SydneyLightRailProject>

MAJLIS BANDAR RAYA RANDWICK

Untuk bertanya tentang hal-hal yang berkaitan dengan Majlis, termasuklah kemudahan meletak kereta dan inisiatif sokongan perniagaan, hubungi:

Chris Bastic Alamat E-mel: Chris.basttic@gmail.com

Nombor Telefon: 0418 771 552

PEJABAT PESURUHJAYA PERNIAGAAN KECIL NSW

Untuk memohon maklumat mengenai penyelesaian yang praktikal bagi keperluan perniagaan anda semasa tempoh pembinaan dan untuk mengatur janji temu dengan penasihat Small Biz Connect di tempat anda, hubungi:

Talian telefon **02 8866 3225** atau pergi ke

www.smallbusiness.nsw.gov.au

PERTANYAAN MENGENAI BARANGAN ANGKUT

Untuk bertanya tentang laluan penghantaran, perkhidmatan untuk bangunan, dan zon pemunggahan, hubungi:

SLRFreight@transport.nsw.gov.au

RANCANGAN KAMI

UNTUK TERUS MENGGERAKKAN SYDNEY



JADUAL ZON PEMBINAAN	MULA	TAMAT
Alison Rd, antara Anzac Pde dengan Darley Rd	Feb 2016	Nov 2016
Alison Rd, antara Darley Rd dengan Wansey Rd	Feb 2016	Dis 2016
Wansey Rd, antara Alison Rd dengan High St	Mei 2016	Apr 2017
High St, antara Wansey Rd dengan Avoca St	Nov 2016	Jul 2017
High Cross Park	Jan 2017	Mac 2017
Anzac Pde, antara Dacey Ave dengan Todman Ave	Jan 2017	Dis 2017
Anzac Pde, antara Todman Ave dengan High St	Mei 2016	Nov 2016
Anzac Pde, antara High St dengan Rainbow St	Jun 2016	Apr 2017
Anzac Pde, bahagian selatan Rainbow St	Mei 2017	Dis 2017

Tarikh-tarikh ini betul pada waktu penerbitan (Mac 2016) tetapi mungkin diubah dalam tempoh pembinaan.

GARIS MASA PEMBINAAN

2015

- Kerja pembinaan awal di Randwick/ Kensington/ Kingsford

2016

- Pembinaan Sydney Light Rail bermula di Randwick/ Kensington/ Kingsford

2017

- Kerja berat bagi pembinaan Sydney Light Rail di kawasan tenggara selesai

2018

- Pengujian sistem kereta api ringan bermula

2019

- Perkhidmatan penumpang yang pertama bermula

MAKLUMAT SELANJUTNYA TENTANG PERKHIDMATAN SOKONGAN KAMI

Untuk mengetahui selanjutnya tentang perubahan yang akan berlaku di kawasan anda, lihat di mysydney.nsw.gov.au

Untuk mengetahui jalan mana yang ditutup dan laluan alternatif yang boleh digunakan, lihat di livetraffic.com atau hubungi Khidmat Maklumat Lalu Lintas melalui talian 132 701.

Untuk mendapatkan maklumat tentang pengangkutan awam, termasuklah laluan bas yang diubah, lihat di transportnsw.info atau telefon 131 500.

Untuk membuat pertanyaan am, telefon 1800 684 490.

Dalam keadaan terdesak, hubungi Khidmat Bantuan Pembinaan yang dilayan 24 jam melalui talian 1800 775 465.

Ikuti perubahan dan berita terkini di mysydney.nsw.gov.au

